

**PARAMETER PELAKSANAAN RUKHSAH SOLAT BAGI PETUGAS KRITIKAL
MENURUT *FIQH AL-AWLAWIYAT*
(THE PARAMETERS OF RUKHSAH PRAYER IMPLEMENTATION FOR CRITICAL
OFFICERS, ACCORDING TO *FIQH AL-AWLAWIYAT*)**

Basri bin Ibrahim (Corresponding author)
Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS)
Email: bashim67@kuips.edu.my

Asyraf bin Ishak
Universiti Islam Malaysia, Selangor
Email: isyrafishak13@gmail.com

Abu Hasan Asyaari bin Sapai
Universiti Islam Malaysia, Selangor
Email: ahas.ashaari@gmail.com

Ahmad Faidhi bin Mohd Zaini
Universiti Islam Malaysia, Selangor
Email: drfaidhi@gmail.com

ABSTRACT

Prayer is a pillar of religion. Every Muslim is obliged to perform prayers even in critical situations. In such cases, there is rukhsah or permission to perform prayers according to the ability possessed by the individual involved. In taking the rukhsah of the prayer, it requires parameters so that it is not done carelessly by irresponsible people. This study's methodology is a qualitative study based on a content analysis framework by using the collected data from document analysis regarding books related to tafsir, sunnah, books of classical fiqh, Usul Fiqh, preferential fiqh, current fatwas and the views of contemporary Islamic scholars and observations. This research also used interviews with six fiqh experts, seven medical personnel and 29 firefighters in the category of critical personnel. The data collected were analysed using deductive, descriptive and comparative methods to obtain relevant results following the study's objectives. Findings from this study show that the forms of rukhsah prayer parameters in critical situations are performing Jama and qasar prayers for those who travel, performing Jama prayers only for the sick and so on. For volunteers or staff for flood victims, the proposed awlawiyat includes awlawiyat performing prayers in a complete uniform, praying in a state of wearing a clean Khuf and so on. For firefighters and air traffic officers, the proposed awlawiyat includes prayers in a sitting position for those unable to stand, prayers in a standing position for those who can stand but cannot bow, prostrate, and so on.

Keywords: Solat, Parameter, Fiqh al-Awlawiyat, Rukhsah, Khuf

PENDAHULUAN

Solat merupakan tiang agama dan orang yang melaksanakan menegakkannya bererti menegakkan agama. Pelaksanaannya dituntut dilakukan pada masa-masa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun dalam pelaksanaannya tidak semua orang berdepan dengan situasi normal. Ada juga yang berdepan dengan situasi kritikal yang mana solat tidak dapat dilaksanakan seperti biasa. Dalam situasi ini, rukhsah merupakan antara bentuk kemudahan yang dikurniakan syarak kepada orang Islam bagi melaksanakan solat. Hal ini kerana solat sama sekali tidak boleh ditinggalkan walau apa situasi sekali pun asal sahaja seseorang itu masih waras. Kewajipan menunaikan solat telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Maka apabila kamu telah menunaikan solat(mu), maka ingatlah Allah ketika berdiri, ketika duduk dan ketika berbaring. kemudian apabila kamu telah merasa aman, maka dirikanlah solat itu (sebagaimana biasa). Sesungguhnya solat itu adalah fardhu yang ditentukan waktunya ke atas orang-orang yang beriman”.
(Surah an-Nisa’, (3:103))

Memandangkan solat merupakan taklif yang wajib ditunaikan dalam apa keadaan sekalipun, Islam memperuntukkan kelonggaran dan rukhsah dalam menunaikan kewajipan tersebut, ketika umatnya menghadapi kesukaran (*masyaqqah*), kesempitan, rintangan atau keadaan darurat. Darurat yang muncul akibat ditimpa musibah, sakit dan lain-lain tidak sama sekali menggugurkan kewajipan melaksanakan solat akan tetapi boleh mendirikannya menurut kemampuan yang dimiliki masing-masing. Oleh itu, syarak memperuntukkan rukhsah bagi mereka yang berada dalam situasi tersebut supaya solat tidak ditinggalkan begitu sahaja dan juga supaya orang-orang Islam yang *mukallaf* terus dapat mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Allah mengecualikan individu-individu tertentu daripada memenuhi tuntutan pelaksanaan ibadah umum secara normal dengan menggunakan kaedah *Fiqhiyah* iaitu *al-Darurah tubihu al-Mahzurat* (keadaan *darurah* mengharuskan yang haram). Apalagi kemaslahatan manusia dalam kehidupan terdiri daripada hal-hal yang bersifat *daruriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyat*. Di sinilah syariah meraikan kemaslahatan manusia dengan menjamin keperluan-keperluan tersebut sama ada bersifat *taklifi* mahupun bersifat *wad’i*.

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan tentang parameter pelaksanaan *rukhsah* solat bagi petugas kritikal merangkumi penyelamat mangsa banjir, bomba, pengawal trafik udara dan pegawai perubatan menurut fiqh *al-Awlawiyat*. Mereka berhadapan dengan situasi kritikal dan diberikan *rukhsah* untuk melaksanakan solat. Ini memerlukan kepada kefahaman tentang parameter pelaksanaan *rukhsah* solat itu sendiri. Parameter merujuk kepada batasan sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, parameter akan diikatkan dengan fiqh *al-Awlawiyat*.

SOROTAN LITERATUR

Setakat ini, masih belum ditemui penulisan secara khusus yang menggagaskan tentang garis panduan *rukhsah* solat untuk menghadapi situasi kritikal. Walau bagaimanapun kajian-kajian lain yang hampir dengan tajuk ini telah banyak dilakukan dan boleh dimanfaatkan. Ada dua bentuk kajian dan penulisan yang telah dibuat yang mempunyai hubungan dengan tajuk di atas iaitu tentang konsep *Rukhsah* dan juga solat di saat kritikal. Al-Sadlan (1417H) misalnya menulis tentang “*al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra Wa Ma Tafarra'a 'Anha*”. Manakala Abdullah Kamil (1999) pula menulis tentang “*al-Rukhsah al-Syar'iyyah Fi al-Usul wa al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*”. Dalam penulisan beliau ini, banyak ditumpukan kepada pelaksanaan *rukhsah* dalam fatwa-fatwa syarak yang membabitkan isu-isu kewangan dan muamalat semasa.

Al-Sallabi (2002) pula menulis tajuk “*al-Rukhas al-Syar'iyyah Ahkamuha wa Dawabituha*”. Penulisan ini adalah hasil daripada tesis peringkat Master dalam lapangan fiqh perbandingan. Muhammad Ramzi (1999) telah menghasilkan sebuah tesis di peringkat Master bertajuk “*Pelaksanaan Rukhsah Dalam Ibadat: Satu Kajian Dalam Perkhidmatan Ketenteraan*”. Dalam tesis ini, selain daripada membahaskan tentang definisi *rukhsah* dari segi bahasa dan istilah, beliau juga membahaskan tentang hukum hakam amali berkaitan *rukhsah* yang melibatkan *rukhsah* menyapu *khuf*, syarat-syarat yang berkaitan dengan menyapu *khuf*, cara menyapu *khuf* dan juga tempoh yang dibenarkan menyapu *khuf* bagi orang-orang yang tidak berada dalam musafir.

Al-Qardawi (2005) menulis tentang fiqh keutamaan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah manakala G. Ariffin (2015) menulis tentang “Panduan Ibadah Dalam Situasi

Kesukaran”. Perbahasan tertumpu pada solat dan hukum hakam yang berkaitan dengannya sebagaimana yang biasa dibahaskan dalam kitab-kitab fiqh. Penulis juga menyentuh tentang solat ketika musafir, sakit dan dalam situasi perang. Dengan membuat pemerhatian kepada kesemua sumber yang dinyatakan dalam sorotan literatur di atas, jelas perbahasan secara terperinci tentang rukhsah solat yang melibatkan situasi kritikal tidak dibuat lagi oleh para pengkaji dan juga penulis, apalagi menyentuh tentang pembinaan garis panduan rukhsah solat untuk mereka yang terlibat dalam situasi yang dinyatakan di atas seperti pegawai bomba dan trafik udara kritikal, sama sekali tidak ada dan ia perlu dilakukan segera bagi membantu pihak pegawai bomba dan trafik udara kritikal memiliki garis panduan yang jelas tentang kedudukan rukhsah solat ketika berdepan dengan situasi kritikal, supaya ibadah solat dapat dilakukan dengan betul dan mengikut fiqh keutamaan meskipun tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif berdasarkan kerangka analisis kandungan. Data-data dipungut daripada analisis dokumen dengan merujuk kepada buku-buku berkaitan dengan tafsir, sunnah, kitab-kitab fiqh klasik, usul fiqh, fiqh keutamaan, fatwa-fatwa semasa dan pandangan ulama Islam kontemporari dan pemerhatian. Temu bual dilakukan dengan 6 orang pakar fiqh, 7 orang petugas perubatan dan 29 orang anggota bomba, yang dapat dimasukkan ke dalam kategori petugas kritikal. Data-data yang dikumpulkan dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan metode deduktif, deskriptif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

DAPATAN

Solat merupakan amalan fardu yang paling besar sekali selepas mengucapkan dua kalimah syahadah. Hal ini berdasarkan hadis Jabir bin Abdillah RA yang menjelaskan Rasulullah SAW bersabda:

يُنَى الرَّجُلُ وَيُنَى الشِّرْكُ وَالْكُفْرُ تَرَكُ الصَّلَاةُ

Maksudnya: *Perkara yang memisahkan antara seorang lelaki dengan kekufuran ialah solat* (Muslim, no. Hadis: 117)

Solat disyariatkan sebagai mensyukuri nikmat Allah yang begitu banyak sekali yang diuanagerahkan kepada para hambaNya (al-Zuhaili, 1985). Jika solat dapat dilakukan secara normal, ia perlu dilakukan secara normal, sebaliknya jika tidak dapat dilakukan secara normal, boleh mengambil rukhsah berkaitan solat bagi orang-orang Islam yang berada dalam keadaan kritikal. Namun dari segi gugur kewajipan melaksanakan solat, ia sama sekali tidak menggugurkan kewajipan tersebut daripada seseorang Islam, meskipun berada dalam keadaan kritikal.

RUKHSAH

Al-Baidawi (2008) menjelaskan maksud rukhsah adalah hukum yang ditetapkan melalui dalil yang berlaku percanggahan ke atas dalil-dalil kerana wujudnya keuzuran. Keuzuran merujuk kepada wujud *mashaqqah* dan hajat iaitu wujud kesempitan dan keperluan seperti sakit atau bermusafir. Kesempitan dan keperluan itu haruslah diukur dengan keadaan semasa yang dihadapi oleh seseorang *mukallaf* itu sendiri.

Rukhsah merupakan sebahagian daripada rahmat Allah SWT kepada hambaNya supaya tidak terbeban dengan sesuatu yang tidak termampu oleh mereka. Terdapat beberapa dalil daripada al-Quran dan Hadis yang menjadi sandaran dalam pensyariatan rukhsah. Antaranya firman Allah SWT:

Allah tidak membebankan seseorang melainkan dengan apa yang termampu olehnya. Dia memperoleh pahala kebaikan yang diusahakannya, dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau membebankan kami dengan bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir (Surah al-Baqarah, (2):286)

Ibn Kathir (2010) menjelaskan dalam ayat di atas bahawa Allah SWT menegaskan sesiapa pun tidak dibebankan melebihi daripada keupayaannya dan Allah mengurniakan kebaikan serta belas kasihan dan amal kepada mereka. Al-Qurtubi (2003) juga menegaskan

hal yang sama dalam tafsirnya, iaitu Allah SWT tidak membebankan orang yang miskin dengan taklif orang yang kaya. Dalam hadis pula, terdapat hadis riwayat Anas bin Malik RA Baginda SAW bersabda:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَسَكِّنُوا وَلَا تُنْقِرُوا

Maksudnya: *Permudahkan dan janganlah menyusahkan, dan berbuat baiklah serta jangan berselisih faham* (al-Bukhari, no. Hadis 69 & 6125).

Hadis di atas, jelas menunjukkan sikap Rasulullah SAW yang bertoleransi dan mengutamakan perkara-perkara yang memudahkan umat baginda berbanding melakukan perkara yang boleh menyukarkan mereka.

Para ulama mengemukakan perbincangan dalam menetapkan hukum dan fadilat dalam mengambil rukhsah. Menurut al-Shatibi (1997), hukum mengambil rukhsah terbahagi kepada empat iaitu wajib, sunat, harus dan *khilaf al-awla*. Hukum asal rukhsah adalah harus (Abdul Karim, 2012) namun tetap menjadi perdebatan dalam kalangan ulama tentang keadaan-keadaan yang lebih afdal dalam melaksanakan rukhsah atau *'azimah*. Menurut Abdul Karim Zaidan (2012), lebih utama melaksanakan hukum *'azimah* dalam situasi menegakkan kebenaran, mencegah kemungkaran dan situasi menyatakan kebanggaan terhadap Islam walaupun ketika nyawa diancam. Namun begitu, terdapat juga situasi yang menjadikan hukum mengambil rukhsah adalah wajib seperti situasi harus memakan bangkai untuk memelihara nyawa kerana terdapat keperluan yang bersifat *daruri*. Rukhsah jenis ini dikategorikan oleh ulama mazhab Hanafi sebagai rukhsah *Isqat* iaitu rukhsah pengguguran hukum dan hanya terdapat satu hukum sahaja dalam masalah ini iaitu wajib mengambil rukhsah (Abdul Karim, 2012). Oleh itu, menjadi satu kesalahan yang besar bagi seseorang *mukallaf* jika sekiranya mengabaikan tuntutan kewajipan solat lima waktu hanya dengan alasan darurat dan *mashaqqah* sedangkan syarak telah menggariskan hukum-hukum rukhsah untuk memudahkan pelaksanaan solat ketika dihipit oleh kesempitan dan kesusahan.

Terdapat beberapa bentuk rukhsah yang dinyatakan oleh ulama dalam meletakkan kategori pelaksanaan rukhsah dalam Islam. Abdul Karim Zaidan (2012) membahagikan kategori tersebut kepada tiga bahagian iaitu mengharuskan perkara haram ketika darurat, mengharuskan perkara wajib ditinggalkan dan mengharuskan sebahagian akad jual beli yang

diperlukan manusia. Imam Al-Suyuti (1983), menjelaskan terdapat sekurang-kurangnya tujuh bentuk rukhsah yang dibahasakan dalam mazhab al-Syafi'i, iaitu pengguguran (*al-Isqat*), pengurangan (*al-Tanqis*), penggantian (*al-Ibdal*), pendahuluan (*al-Taqdim*), penangguhan (*al-Ta'khir*), peringanan (*al-Tarkhis*) dan perubahan (*al-Taghyir*).

Perpindahan hukum '*azimah* kepada rukhsah memerlukan syarat-syarat tertentu supaya umat Islam tidak melaksanakannya menurut pertimbangan hawa nafsu dan emosi semata-mata sebaliknya berdasarkan neraca syarak yang sebenar. Manakala *darurah* pula memiliki kedudukan yang berbeza-beza, dan kedudukan *darurah* yang tidak menepati syarak tidak membolehkan pelaksanaan rukhsah dilakukan dalam meringankan kesulitan *taklif* yang dialami (Ahmad Murshidi, 2020). Terdapat beberapa syarat umum yang digariskan bagi menentukan kedudukan *darurah* yang membolehkan pelaksanaan sesebuah rukhsah.

1. *Darurah* itu Jelas Berlaku

Keharusan melakukan perkara yang ditegah ketika darurat mestilah memerlukan kepastian keadaan *darurah* tersebut benar-benar berlaku (Zakaria Ghulam, 2008). Ketika telah dipastikan keadaan sesuatu *darurah*, wajib menolak dan menutup pintu-pintunya (al-Raisuni, 2015). Pasti berlakunya *darurah* itu dikategorikan sebagai *al-Darurah al-Haqiqiyyah* (*darurah* yang hakiki) iaitu jelas dan pasti berlaku *darurah* tersebut. Dalam memastikan kedudukan sesuatu *darurah* itu sebagai hakiki, beberapa ukuran tertentu perlu dikenal pasti, antaranya, *darurah* tersebut menimpa salah satu daripada *Kulliyat al-Khams* (agama, nyawa, keturunan, akal dan harta) dan seseorang tidak mampu melepaskan diri daripada kesempitan yang wujud dalam *darurah* tersebut.

Namun begitu, jika sekiranya keadaan *darurah* tersebut tidak dapat dipastikan, ukurannya boleh berdasarkan andaian yang kuat seperti pengalaman, pemerhatian dan adat yang sering berlaku. Ia dikategorikan sebagai *al-Darurah al-Manzumah* (*darurah* yang tersusun). Contohnya seseorang yang sakit dan pada kebiasaannya, dia tidak boleh berpuasa kerana sakit tersebut akan menyebabkan bertambah sakit atau mendatangkan kemudaratan yang lain. Namun begitu, andaian tersebut mestilah andaian yang kuat yang berada pada tingkatan *Ghalabah al-Zan* (sangkaan yang kuat) (Ahmad Murshidi, 2020).

2. *Darurah* itu Tidak Berlawanan dengan Asas-asas Syariat Islam

Secara umumnya, penentuan *darurah* juga mestilah menepati asas-asas dan prinsip-prinsip utama dalam Islam seperti tidak bertentangan dengan prinsip akidah, prinsip usul fiqh dan prinsip *maqasid al-Syar'iyah*. Namun begitu, jika sekiranya terdapat sesebuah keadaan yang menyalahi salah satu prinsip di atas sedangkan ia masih menepati prinsip lain yang lebih utama, ia masih diambil kira oleh syarak. Hal ini kerana, jika *darurah* itu bercanggah dengan maksud syarak dan menepati maksud syarak yang lebih utama, adalah harus kerana *darurah* itu dibina di atas dua pertembungan *maqasid* yang melalui proses *tarjih* (pilihan yang lebih kuat dan lebih sesuai). Sebagai contoh, harus melafazkan perkataan kufur ketika nyawa sedang diancam kerana mendahulukan maksud syarak yang lebih utama iaitu memelihara nyawa yang termasuk dalam perkara yang *daruriyat* (Ahmad Murshidi, 2020).

3. *Darurah* itu Dihilangkan Dengan Kadarnya Sahaja

Hukum rukhsah yang disandarkan kepada keadaan *darurah* adalah *marjuh* (tidak kuat) manakala hukum *'azimah* yang asal sebelum wujudnya *darurah* pula adalah *rajih* (kuat). Oleh itu, tidak harus berkekalan dengan hukum yang *marjuh* melainkan dalam keadaan yang diambil kira oleh syarak. Justeru, tidak boleh berterusan atau berlebih-lebih dengan perkara yang ditegah atas dasar *darurah* sehingga melampaui had atau kadar *darurah*. Jika seseorang masih melakukan perkara yang ditegah tersebut sedangkan *darurah* telah hilang, dia dikira melampaui kadar *darurah* itu. Hal ini berdasarkan kaedah *al-Darurah Tuqaddar Bi Qadariha* (kemudahan itu dihadkan kepada kadarnya sahaja) dan kaedah *Ma Ubihi Li al-Darurah Yuqaddar Bi Qadariha* (apa yang diharuskan kerana *darurah* dihadkan mengikut kadarnya sahaja).

Berdasarkan kaedah fiqh, *darurah* ditetapkan dengan kadarnya, menunjukkan hukum *darurah* yang dialami tersebut adalah sementara. Oleh itu dengan ketiadaan *darurah*, hukum rukhsah yang mengharuskan sesuatu yang ditegah itu dikira hilang kerana sudah terkeluar daripada ruang lingkup *darurah*. Hal ini bertepatan dengan kaedah lain iaitu, *Ma Jaza Li 'Uzri Yubtilu Bi Zawalihi* (sesuatu yang diharuskan kerana keuzuran terbatal dengan hilangnya keuzuran tersebut) (Ahmad Murshidi, 2020).

4. *Darurah* itu Dipastikan oleh Ahli yang Pakar

Bagi situasi *darurah* yang melibatkan bidang-bidang kepakaran selain daripada bidang ilmu Islam secara khusus, rujukan ahli yang pakar dalam perkara tersebut juga diambil kira. Sebagai contoh dalam isu perubatan, penggunaan ubat-ubatan daripada ekstrak bahan yang haram mestilah mendapat pengukuhan daripada pakar ketika ketiadaan bahan-bahan yang halal yang boleh menjaga kepentingan nyawa. Namun begitu, seliaan daripada pakar hendaklah daripada pakar yang amanah dan dipercayai kewibawaannya (Wahbah al-Zuhaili, 1997).

5. *Darurah* itu Tiada Alternatif Lain

Ketika berdepan situasi *darurah* yang mengharuskan sesuatu yang ditegah, hendaklah dipastikan tiada alternatif lain yang boleh diambil atau tiada pilihan yang lebih baik untuk diambil selain memilih perkara yang haram tersebut. Jika masih memiliki alternatif atau pilihan lain untuk mendepani situasi tersebut maka mengambil rukhsah ketika itu adalah dilarang (Wahbah al- Zuhaili, 1997). Sebagai contoh, seseorang yang berada di dalam situasi kelaparan tetapi memiliki pilihan untuk mencari binatang yang halal untuk dimakan, dia dilarang memilih makanan yang haram dimakan (Ahmad Murshidi, 2020).

BENTUK-BENTUK RUKHSAH SOLAT

Rukhsah solat bermaksud keringanan dan kelonggaran yang wujud dalam pelaksanaan solat. Kelonggaran ini adalah disyariatkan oleh Islam bagi memudahkan umat Islam yang mengalami keuzuran syarak seperti kesempitan, kesusahan, ancaman dan lain-lain. Keuzuran yang wujud mestilah dinilai dengan teliti melalui kaca mata syarak sama ada ia layak menggugurkan kewajipan solat tersebut ataupun untuk meringankan pelaksanaan solat. Antara bentuk rukhsah solat adalah solat dengan memakai baju basah dengan peluh dan air banjir, solat tidak menghadap kiblat, solat dalam keadaan duduk dan berbaring, solat dengan cara memberi isyarat, solat dalam keadaan duduk, solat dalam keadaan berbaring, solat jamak dan qasar, solat jamak *suri*, solat jamak kerana hajat atau *darurah*, solat jamak ketika hujan lebat, solat *khawf* (dalam keadaan takut) dan solat *shiddat al-Khawf* (dalam keadaan bersangatan takut) dan solat hormat waktu.

FIQH AL-AWLAWIYAT

Fiqh al-awlawiyat membawa maksud meletakkan segala sesuatu pada peringkatnya dengan adil dari segi hukum, nilai, dan pelaksanaan (al-Qaradawi, 2005). Ia juga ditafsirkan sebagai pengetahuan tentang hukum hakam syarak yang mempunyai hak untuk didahului berbanding dengan yang lain berdasarkan pengetahuan tentang tahap-tahap amalan tersebut dan realiti yang berkaitan dengannya (al-Wakili, 1997). Berdasarkan dua definisi di atas jelas definisi al-Qaradawi bagi pengkaji adalah lebih menyeluruh dan tidak hanya melibatkan hukum hakam syarak sahaja. Ia merangkumi keutamaan dalam berakidah, amalan syariah dan juga akhlak, malah sehingga ke tata cara berzikir juga melibatkan *fiqh al-Awlawiyat*.

Memahami fiqh keutamaan dalam Islam adalah sesuatu yang sangat penting terutama sekali pada zaman ini. Dengan memahami fiqh keutamaan, perkara yang sepatutnya didahulukan, akan didahulukan, berdasarkan penilaian syariah yang sahih, yang diberi petunjuk oleh cahaya wahyu dan diterangi oleh akal yang sihat. Sesuatu yang tidak penting, tidak didahulukan mengatasi sesuatu yang penting. Sesuatu yang penting tidak didahulukan mengatasi sesuatu yang lebih penting. Sesuatu yang tidak kuat (*marjuh*) tidak didahulukan mengatasi sesuatu yang kuat (*rajih*). Sesuatu “yang biasa-biasa” saja tidak didahulukan mengatasi sesuatu yang utama, atau yang paling utama. Sesuatu yang semestinya didahulukan harus didahulukan dan yang semestinya dikemudiankan harus dikemudiankan. Sesuatu yang kecil tidak perlu diperbesarkan, dan sesuatu yang penting tidak boleh diabaikan. Setiap perkara mesti diletakkan di tempatnya dengan seimbang dan lurus, tidak lebih dan tidak kurang. Ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan langit dijadikannya (bumbung) tinggi, serta Dia mengadakan undang-undang dan peraturan neraca keadilan, Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan keadilan; dan betulkanlah cara menimbang itu dengan adil, serta janganlah kamu mengurangi barang yang ditimbang. (Surah al-Rahman, (55):7-9)

AMALAN SOLAT SEDIA ADA PETUGAS KRITIKAL

Amalan solat dalam kalangan petugas kritikal di Malaysia dapat dilihat sebagaimana perbahasan di bawah.

1. AMALAN PETUGAS MANGSA BANJIR

Para petugas yang menjalankan operasi ada yang memiliki kefahaman untuk melaksanakan rukhsah solat dan ada yang tidak (Zulkifli Che Noh, 2019). Namun begitu, kefahaman terhadap rukhsah solat kepada para anggota yang bertugas cuba diterapkan dari semasa ke semasa terutama bagi pasukan di Negeri Terengganu (Sharikan Bustaman, 2020). Sepanjang temu bual dijalankan, terdapat beberapa amalan yang dilaksanakan oleh para anggota dalam isu menunaikan solat secara rukhsah atau tidak secara rukhsah.

a. Membatalkan Solat dan Mendahulukan Tugas Ketika Mendapat Panggilan Kecemasan

Apabila pihak anggota mendapat panggilan kecemasan untuk mengendali dan menguruskan situasi bencana, kemalangan ataupun kecemasan, mereka perlu berada di kawasan yang dilaporkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Setiap pergerakan mereka apabila mendapat panggilan kecemasan akan dinilai berdasarkan *Key Performance Index* (KPI) yang ditetapkan bagi sesebuah pasukan di sesebuah balai atau stesen. Mereka perlu keluar daripada stesen atau balai mereka dalam masa 60 saat untuk bergegas ke lokasi bencana (Zulkifli Che Noh, 2019). Bagi mereka, 60 saat itu adalah masa yang berharga untuk menyelamatkan mangsa. Oleh itu, mereka tidak boleh melengah-lengahkan masa apabila menerima panggilan kecemasan, sebaliknya perlu bergegas serta-merta untuk menjalani tugas mereka.

Ketika masuk waktu solat atau ketika sedang menunaikan solat sekalipun, apabila menerima panggilan kecemasan, para petugas akan mengutamakan panggilan kecemasan dan tugas menyelamatkan nyawa berbanding menunaikan solat pada waktu tersebut. Sebagai contoh, ketika sedang menunaikan solat Jumaat, anggota yang bertugas akan menyediakan jentera yang lengkap di luar masjid dan berpakaian separa celoreng untuk menunaikan solat, dalam masa yang sama bersedia dengan apa-apa kemungkinan. Jika mereka menerima panggilan kecemasan pada waktu tersebut, mereka akan membatalkan solat dan bergegas ke dalam jentera. Seterusnya, mereka akan mengulangi solat Zohor selepas selesai operasi (Zulkifli Che Noh, 2019). Bagi mereka, menyelamatkan nyawa lebih utama dan lebih besar kesan kebbaikannya berbanding meneruskan solat (Sharikan Bustaman, 2020).

b. Menjamak Solat Ketika Menerima Panggilan Kecemasan

Terdapat juga dalam kalangan anggota bertugas yang membatalkan solat pada waktu tersebut kerana menerima panggilan kecemasan dan bergegas menjalankan operasi, namun apabila operasi mereka memakan masa yang panjang sehingga tidak sempat untuk menunaikan solat, mereka akan berniat untuk menghimpunkan solat tersebut di dalam waktu terakhir (*jamak ta'khir*). Hal ini biasa berlaku apabila menerima panggilan kecemasan tentang banjir kilat atau kebakaran hutan atau kebakaran rumah dan kilang (Sharikan Bustaman, 2020). Operasi untuk menjalankan misi ini kadang-kadang memakan masa 5 jam atau lebih.

Ada juga dalam kalangan mereka, apabila menerima panggilan kecemasan tentang kes-kes yang besar, mereka sudah siap menghimpunkan solat pada waktu yang pertama (*jamak taqdim*) kerana pada sangkaan dan pengalaman mereka, operasi terhadap kes-kes begini akan mengambil masa yang lama dan tidak akan sempat untuk berhenti menunaikan solat, apatah lagi jika anggota yang bertugas tidak mampu menampung semua tanggungjawab di lapangan dan juga mangsa yang terlibat dalam bilangan yang agak ramai (Zulkifli Che Noh, 2019).

c. Menunaikan Solat Dalam Keadaan Sentiasa Berjaga-Jaga

Ketika berada di balai atau stesen bertugas, mereka akan sentiasa berada dalam keadaan berjaga-jaga dan cakna terhadap siren panggilan kecemasan. Ketika siren berbunyi mereka akan terus bergegas keluar daripada balai. Begitu juga jika dalam keadaan solat, mereka sentiasa meletakkan diri dalam keadaan berjaga-jaga untuk menerima apa-apa kemungkinan (Saufi Nasir, 2020).

d. Tidak Pernah Melaksanakan Rukhsah Solat Sepanjang Bertugas

Menurut Mohammad Deri dan Fadhli Zakir (Temu bual, 2020), sepanjang berkhidmat di Balai Bomba Pasir Puteh mereka belum pernah mempraktikkan rukhsah solat ketika operasi kerana bagi mereka situasi yang dihadapi oleh mereka masih belum kritikal dan tidak memerlukan untuk mereka melaksanakan rukhsah solat. Jika berada di lapangan sekalipun, anggota yang terlibat cukup untuk saling bertukar ganti menunaikan solat dan menjalankan operasi yang diarahkan.

Berbeza dengan apa yang dinyatakan oleh Abdul Halim dan Mohd Zaindra (Temu bual, 2020), mereka biasa juga menjalankan rukhsah solat sepanjang bertugas namun tidak selalu kerana bagi mereka masih ada ruang dan waktu untuk menunaikan solat secara sempurna walaupun dalam keadaan sibuk menjalankan tugas di tempat operasi. Kebiasaannya mereka akan solat secara hormat waktu dan mengulangi semula solat tersebut apabila tiba di balai setelah selesai operasi. Perbezaan yang wujud adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya pertama tidak tahu tentang keharusan rukhsah ketika menjalankan tugas-tugas menyelamatkan mangsa. Kedua tidak tahu cara dan kaedah melaksanakan rukhsah solat ketika bertugas. Ketiga bimbang tersalah memudah-mudahkan urusan agama. Keempat tidak menunaikan solat.

Menurut Sharikan Bustaman (Temu bual, 2020), dan Zulkifli Che Noh (Temu bual, 2019), terdapat juga anggota yang tidak memiliki kesedaran untuk menunaikan solat atau menjalankan rukhsah solat ketika menjalankan operasi. Mereka sering beralasan kerana penat, dan pakaian yang tidak selesa, untuk tidak menunaikan solat secara rukhsah apatah lagi secara '*azimah*'. Ada juga dalam kalangan mereka yang salah faham. Apabila disebut mereka diberikan rukhsah dan kelonggaran, mereka menganggap meninggalkan solat itu adalah satu kelonggaran bagi mereka. Padahal itu adalah salah faham yang sangat besar tentang konsep rukhsah solat bagi petugas mangsa banjir. Namun begitu, terdapat pelbagai usaha daripada pihak kepimpinan tertinggi pasukan untuk memberi pendedahan dan pencerahan terhadap isu ini kepada para anggota yang bertugas dan juga pelatih-pelatih di akademi Latihan (Zulkifli Che Noh, 2019). Usaha tersebut tidak begitu menyeluruh dan tidak dapat dimaksimakan kesannya kerana kesedaran itu juga harus lahir daripada para anggota itu sendiri (Sharikan Bustaman, 2020).

2. AMALAN ANGGOTA BOMBA

Berdasarkan temu bual dengan Azmi Abdul (Temu bual, 2020) dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap anggota bomba yang bertugas dalam operasi memadam api dan operasi banjir, secara umumnya terdapat dua alternatif yang diamalkan oleh anggota bomba apabila berada dalam situasi kritikal iaitu:

a. *Qada' Solat*

Qada' solat bukan sahaja dilakukan segelintir anggota bomba dan trafik udara bahkan merupakan amalan yang masyhur dalam kalangan sesetengah masyarakat di Malaysia. Apabila terdapat situasi yang menyebabkan mereka tidak dapat menunaikan solat pada waktunya, alternatif utama yang digunakan ialah melakukan *qada'* solat. *Qada'* solat yang difahami oleh anggota bomba khususnya dan masyarakat Malaysia umumnya ialah melaksanakan solat bukan pada waktunya disebabkan terdapat hajat atau sesuatu kepayahan. Kefahaman *qada'* solat sebegini sebenarnya membuka pintu yang luas kepada gejala meninggalkan solat. Dalam mazhab al-Syafi'i terdapat penyelesaian yang lebih syar'i bagi menyelesaikan masalah ini. Penyelesaian tersebut ialah menjamakkan solat antara dua waktu solat kerana terdapat hajat yang tidak dapat dielakkan (Khatab al-Sharbana, t.t.).

b. Tidak Menunaikan Solat

Menurut Shawaltul Fazli Setamam (Temu bual, 2020) alternatif kedua ialah tidak menunaikan solat apabila terdapat hajat atau kesusahan yang kuat. Terdapat empat daripada sepuluh anggota bomba yang meninggalkan solat kerana bertugas. Hal demikian merupakan gejala yang tidak sihat yang perlu dijaui dalam kalangan umat Islam. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan kurang kefahaman anggota bomba berkenaan rukhsah solat dalam situasi kritikal. Sebanyak 60% Anggota bomba yang mengqadakkan solat, manakala baki sebanyak 40% meninggalkan solat dengan alasan letih, baju kotor dan lain-lain. Angka 40% merupakan suatu angka yang besar. Oleh kerana itu, menjadi tanggungjawab para ilmuan dan pengkaji untuk memastikan maklumat berkenaan rukhsah difahami dengan tepat agar gejala meninggalkan solat dapat dibendung dan dikurangkan.

3. AMALAN ANGGOTA TRAFIK UDARA

Setelah pengkaji melakukan temu bual dengan Anggota Trafik Udara kritikal (Muhammad Ikmal Zulkifly, 2020), pengkaji dapat menyimpulkan tiga alternatif yang telah digunakan oleh Anggota Trafik Udara ketika hendak melaksanakan solat dalam situasi kritikal. Tiga alternatif tersebut ialah:

a. *Qada'* Solat

Alasannya mungkin kerana mudah dan paling banyak disebut dan didengari di corong media massa dan meja kuliah. Kesannya, secara umumnya adalah mereka melaksanakan solat, namun terdapat kesan buruk lain antaranya ialah mereka tidak mengamalkan rukhsah solat yang sebenar sebagaimana yang dibahaskan dalam fiqh solat.

b. *Qasar* Solat

Secara umumnya *qasar* sememangnya antara rukhsah dalam solat. Permasalahannya adalah pada pelaksanaan *qasar* tanpa panduan benar, seperti melakukan *qasar* solat sedangkan mereka tidak memenuhi kriteria untuk melakukan *qasar* solat. Contohnya jarak kediaman dengan tempat kerja yang tidak memenuhi syarat musafir menurut para ulama. Perbincangan berkenaan *qasar* dapat dirujuk pada bab sebelumnya. Melakukan *qasar* solat merupakan rukhsah yang tidak dapat dipisahkan dengan jarak dan perjalanan atau dipanggil sebagai musafir. Para ulama membahaskan secara panjang lebar berkenaan jenis-jenis musafir dan jarak perjalanan yang boleh dikaitkan dengan musafir. Mengqasarkan solat tanpa panduan yang benar boleh menyebabkan berlaku amalan bermudah-mudah dalam urusan agama tanpa panduan yang jelas (al-Nawawi, 2008).

c. Tidak Menunaikan Solat

Golongan yang meninggalkan solat kerana beralasan letih, tidak sempat dan sebagainya, dan ia menjadi alasan yang terkenal untuk meninggalkan solat secara mudah kepada mereka. Kajian dan penelitian berkenaan fiqh solat sangat membantu menyelesaikan permasalahan tidak menunaikan solat dalam kalangan mereka dan salah faham berkenaan fiqh solat. Kajian berkenaan fiqh solat sering dianggap remeh dan tidak mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat kerana dianggap remeh dan mudah. Kesannya, apabila berhadapan dengan situasi kritikal mereka akan melaksanakan solat sewenang-wenangnya sekadar berbekalkan maklumat yang mereka ada.

Sebanyak 50% Anggota Trafik Udara kritikal yang meng*qada'*kan solat mereka manakala yang meng*qasarkan* solat adalah sebanyak 20% sedangkan baki sebanyak 30% tidak menunaikan solat. Berdasarkan pungutan data yang diperolehi oleh pengkaji menunjukkan kurangnya pendedahan berkenaan rukhsah solat kepada Anggota Trafik Udara,

padahal solat merupakan tiang agama dan perkara pertama yang akan ditanya oleh Allah SWT. Bagi Anggota Trafik Udara yang mengqada'kan solat mereka, pengkaji membahagikan data-data tersebut kepada tiga kategori. Pertama, golongan yang mengqada'kan solat kerana pernah terbaca atau dengar kuliah agama. Kedua ialah mengqada'kan kerana ikut kawan atau tidak tahu. Seterusnya, ketiga Anggota Trafik Udara yang mengqasarkan solat, golongan yang mengqasarkan, kerana maklumat yang jelas temu bual bersama mereka mendapati bagi yang meninggalkan solat, data keseluruhannya kerana kurangnya pendedahan berkenaan hukum-hakam solat secara menyeluruh.

Berdasarkan data yang diperoleh, pengkaji menyimpulkan budaya “ikut kawan” atau taklid buta menyebabkan kedua-dua golongan yang disebutkan di atas meninggalkan solat begitu sahaja. Pada hal agama Islam merupakan agama yang mementingkan fakta dan tidak mengizinkan umatnya bertaklid pada sesuatu pendapat tanpa memerhatikan dalil atau sebab.

4. AMALAN PETUGAS PERUBATAN KRITIKAL

Antara bentuk rukhsah solat yang diamalkan petugas perubatan adalah sebagaimana berikut:

a. Melakukan Jamak *Taqdim* atau *Ta'khir*; Zohor dan Asar Atau Maghrib dan Isyak
Jamak *tamam* secara *taqdim* atau *ta'khir* diamalkan majoriti petugas perubatan terutamanya melibatkan prosedur resusitasi dan pembedahan yang panjang. Jamak juga dilaksanakan bagi petugas perubatan yang harus memakai PPE bagi tempoh masa yang lama melampaui waktu solat. Jamak *taqdim* dilaksanakan dalam kes pembedahan elektif panjang dan sebelum memulakan tugas syif di zon merah bagi Jabatan Kecemasan. Jamak *ta'khir* dilaksanakan selepas prosedur kecemasan yang tidak dijangka berpanjangan sehingga luput waktu solat Zohor atau Maghrib (Mohd Hanifah Jusoh, 2020).

b. Menunda, *Qada'* dan Jamak Solat Fardu ke Dalam Waktu Lain.
Terdapat juga keadaan di mana pembedahan berlarutan sehingga memakan masa panjang melewati beberapa waktu solat seperti pembedahan plastik, mikrosurgeri dan pemindahan organ yang memakan masa 12 hingga 72 jam. Kebanyakan petugas perubatan akan menunaikan solat jamak. Namun, terdapat juga yang menghimpunkan semua solat tidak mengira berapa banyak waktu untuk dilaksanakan selepas selesai pembedahan. Situasi

kritikal yang memerlukan menjamak atau *qada'* banyak waktu solat sekali gus sebenarnya jarang sekali berlaku. Walaupun begitu, memang terdapat kes pembedahan yang agak lama melampaui beberapa waktu solat seperti pembedahan saraf neurologi, pembedahan tangan atau pemindahan organ. Namun pembedahan yang kompleks dan panjang sebegini biasanya memperuntukkan masa sejenak untuk pakar bedah dan staf turut berhenti makan dan buang air. Ketika itu mereka akan mengambil peluang melaksanakan solat secara jamak *tamam* (Mohd Fahmi Lukman, 2020).

c. Melakukan Solat di Hujung Pertama dan Awal Waktu Kedua (Jamak *Suri*)

Sebilangan petugas ada yang mengamalkan solat persis jamak *Suri* iaitu melaksanakan Zohor sehingga akhir waktunya kemudian terus solat Asar apabila masuknya waktu, termasuk solat Maghrib dan Isyak. Kaedah ini jarang diamalkan kerana kesukaran mengagak waktu untuk solat lantaran situasi dan tuntutan tugas kritikal yang tidak menentu. Majoriti kembali menunaikan solat jamak (Suhazeli Abdullah, 2020).

Pada hemah pengkaji berdasarkan kajian di lapangan, jika tugas kritikal pegawai perubatan kebetulan selesai di akhir Zohor atau Maghrib, adalah disyorkan pelaksanaan jamak *suri* dengan disusuli Asar atau Isyak di awal waktu lantaran tuntutan tugas kritikal dan kecemasan yang tidak menentu.

d. Menggantikan Solat Jumaat Kepada Zohor

Ia diamalkan oleh petugas perubatan lelaki Muslim yang terpaksa bertugas *oncall* dan melakukan prosedur resusitasi dan pembedahan yang melampaui waktu solat Jumaat. Sebahagian petugas yang tidak dapat menunaikan solat Jumaat atas tugas mendesak akan menggantikan dengan solat Zohor sahaja. Petugas perubatan Muslim yang warak lazimnya akan berusaha mengatur jadual tugas agar tidak melewati waktu solat Jumaat. Jika harus bertugas pada waktu tersebut, mereka akan meminta bantuan rakan petugas Muslimah atau non-Muslim untuk menggantinya sejenak untuk keluar solat. Jika terpaksa, maka diteruskan tugas seperti yang dituntut kemudian digantikan solat Zohor (Mujahid Bakar, 2020).

e. Menggantikan Solat Jumaat Dengan Jamak Zohor Dan Asar

Ia diamalkan jika prosedur dan pembedahan berlarutan sehingga tamat waktu Zohor, jamak *ta'khir* Zohor dan Asar dilaksanakan. Terdapat petugas perubatan kritikal yang sibuk dan terhalang solat Jumaat atau Zohor sehingga hampir masuk waktu Asar. Mereka mengambil rukhsah meninggalkan solat Jumaat dan melaksanakan solat jamak Zohor dan Asar (Pemerhatian Pengkaji, 2020). Pilihan ini lebih meringankan mereka daripada tanggungjawab ibadah dan beban tugas yang harus dipenuhi dalam masa sama.

f. Menunda Atau Meng*qada'* Solat Subuh

Ia diamalkan oleh petugas perubatan melakukan prosedur resusitasi dan pembedahan sebelum waktu Subuh namun belum tamat menjelang waktu Syuruk. Ia dilakukan ketika melibatkan prosedur resusitasi atau pembedahan kecemasan pesakit kemalangan, strok, sakit jantung dan bersalin yang kebiasaannya berlaku di awal pagi. Para petugas perubatan yang tidak sempat solat Subuh akibat operasi pembedahan dan resusitasi yang berpanjangan akan menunaikan solat Subuh sebaik sahaja selesai tugas tersebut walaupun telah luput waktu dan matahari telah terbit (Mohd Azuan Ayob, 2020).

g. Meng*qasar* Solat

Rukhsah *qasar* solat tidak selalu diamalkan bagi petugas di peringkat hospital. Namun ia menjadi amalan bagi petugas yang terlibat menghantar dan mengiringi pesakit sama ada melalui ambulan (jalan darat) ataupun penerbangan (*air MEDEVAC*). Rukhsah *qasar* diambil bagi pemindahan pesakit melibatkan antara negeri iaitu perjalanan lebih 2 *marhalah* seperti yang diajar oleh mazhab al-Syafi'i iaitu sekitar 85-90 kilometer (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Petugas lazimnya akan solat jamak dan *qasar* apabila sampai di hospital yang dituju atau mana-mana hentian dan masjid selepas menyelesaikan urusan pemindahan pesakit. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di lapangan, kebanyakan petugas kebiasaannya memilih solat jamak sekembalinya mereka ke tempat asal mereka bertugas terutama selepas memindahkan pesakit tidak lebih dua marhalah. Ini kerana kerumitan bagi ambulan berhenti di tengah perjalanan. Kajian mendapati petugas perubatan yang ditempatkan di jabatan kecemasan, dewan bedah, unit rawatan rapi dan wad bersalin paling ramai mengamalkan rukhsah solat sebagaimana yang telah dibincangkan.

CADANGAN BENTUK RUKHSAH SOLAT BAGI PETUGAS KRITIKAL MENURUT *FIQH AL-AWLAWIYYAT*

1. PETUGAS MANGSA BANJIR

Berdasarkan kupasan dan huraian di atas, di sini diutarakan beberapa bentuk rukhsah solat yang sesuai untuk dijadikan sebagai parameter pelaksanaan rukhsah solat petugas mangsa banjir. Pemilihan bentuk rukhsah solat ini berdasarkan hujah-hujah yang telah disebutkan di atas.

a. Awlawiyyat Solat dalam Keadaan Beruniform Lengkap

Ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh informan tentang pelaksanaan solat petugas mangsa banjir. Antara isu yang diketengahkan adalah berkaitan pakaian bertugas yang ingin dibawa dalam solat. Isu-isu yang berkait dengan uniform petugas mangsa banjir dan pelaksanaan rukhsah solat adalah seperti berikut (Imran Ismail, 2020):

i. Uniform para petugas mangsa banjir kebiasaannya basah dengan peluh dan air banjir. Sebenarnya tidak ada masalah bagi petugas mangsa banjir menunaikan solat dalam keadaan memakai baju beruniform lengkap selagi menutup aurat dan tidak terdapat najis pada pakaian tersebut. Bagi masalah peluh dan air banjir, ia tidak termasuk dalam kategori najis yang boleh membatalkan solat, bahkan menurut al-Syafi'i (2001), peluh manusia dan haiwan tunggangan tidak dikira najis dan tidak menajiskan sesuatu yang terkena dengannya. Manakala air banjir pula dikira suci lagi menyucikan kerana dianggap sebagai air yang banyak melebihi dua kolah (al-Syafi'i, 2001).

ii. Uniform petugas wanita penyelamat mangsa banjir tidak memenuhi ciri pakaian yang menutup aurat yang sebenar. Bagi petugas mangsa banjir wanita, timbul isu penutupan aurat ketika menunaikan solat dalam keadaan memakai pakaian seragam. Menurut Imran Ismail (Temu bual, 2020), dalam beberapa situasi petugas mangsa banjir wanita juga turut dikerahkan untuk bertugas di kawasan banjir kerana melibatkan mangsa dalam kalangan wanita. Para petugas wanita juga turut diwajibkan memakai pakaian seragam sama seperti petugas mangsa banjir lelaki. Pakaian seragam tersebut direka untuk memudahkan pergerakan anggota serta menghalang daripada mengalami cedera ringan ketika menjalankan tugas.

Bagi petugas wanita, pada dasarnya tidak harus solat dalam keadaan memakai seragam uniform semata-mata kerana tidak menepati ciri-ciri penutupan aurat yang sempurna dalam solat. Menurut Sa'id al-Hadrami (2015:255) aurat bagi wanita ketika solat adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah kepada wanita yang beriman: “Hendaklah mereka menundukkan pandangannya, serta memelihara kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan bahagian dadanya dengan kain kerudung, dan janganlah menampakkan perhiasannya.” (Surah Al-Nur, (24):31]

Menurut Nawawi al-Bantani (2011) menutup aurat yang sempurna bagi wanita dalam solat adalah dengan menutupi tubuh badannya sehingga tidak kelihatan bentuk tubuh badan serta tidak kelihatan warna kulitnya (tidak memakai kain yang nipis). Oleh itu, dicadangkan para petugas mangsa banjir wanita perlu menyediakan jubah atau telekung bagi menutup bahagian pakaian seragam yang dipakai. Walau bagaimanapun, dalam situasi petugas wanita yang tidak dapat menutup aurat dengan sempurna wajib menunaikan solat secara hormat waktu dan wajib mengulangi semula solat tersebut selepas mendapatkan pakaian yang menutup aurat selepas operasi berakhir. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kemampuanmu (Surah al-Taghabun, (64):16)

b. Awlawiyyat Solat Dalam Keadaan Memakai Khuf yang Suci dan Menyapu Permukaan Khuf

Para petugas mangsa banjir diwajibkan memakai seragam uniform ketika bertugas termasuk memakai kasut but. Kasut but tersebut direka khas menutupi bahagian kaki sehingga ke paras betis menggunakan fabrik dan material yang tahan lasak. Justeru, kasut but tersebut menepati ciri-ciri *khuf* yang diharuskan rukhsah iaitu menutupi tapak kaki dan buku lali serta lasak untuk perjalanan sehari semalam. Keharusan menyapu *khuf* berdasarkan hadis Nabi S.A.W yang diriwayatkan daripada Jarir bin Abdullah al-Bajali RA katanya:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَالَ ثُمَّ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى حُقَيْهِ

Maksudnya: Aku melihat Nabi S.A.W pergi membuang air kecil, kemudian Baginda berwuduk dan menyapu bahagian atas kedua-dua khufnya (Muslim, no. Hadis: 272)

Bagi pengkaji petugas mangsa banjir diharuskan untuk melaksanakan rukhsah menyapu *khuf* bagi menggantikan membasuh kaki ketika wuduk dan solat dalam keadaan memakai kasut but tersebut selagi ia suci. Hal ini bagi memudahkan para petugas yang mengalami kerumitan untuk menanggalkan but setelah dipakai apatah lagi ketika dalam operasi banjir. Mengambil rukhsah menyapu *khuf* dapat menjimatkan masa petugas untuk menyempurnakan solat dan seterusnya menyambung tugas dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir. Namun begitu, dalam masalah ini terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh petugas mangsa banjir bagi memastikan rukhsah menyapu *khuf* sah di sisi syarak. Syarat-syarat tersebut adalah (Hasan al-Kaf, 2003):

- i. Hendaklah kedua-dua *khuf* tersebut dipakai setelah sempurna wuduk.
- ii. Hendaklah kedua-dua *khuf* kukuh dan tahan lasak hingga boleh dipakai berjalan selama sehari semalam bagi orang yang bermukim dan tiga hari tiga malam bagi yang bermusafir.
- iii. Hendaklah kedua-dua *khuf* kalis air kecuali pada jahitannya.
- iv. Hendaklah kedua-dua *khuf* suci dan bersih. Tidak memadai menyapu di atas *khuf* yang ada padanya najis.
- v. Hendaklah kedua-dua *khuf* menutupi kesemua bahagian kaki yang wajib dibasuh, iaitu daripada tapak kaki sehingga ke buku lali.
- vi. Hendaklah kedua-dua *khuf* tidak dipakai oleh orang yang berhadas besar, kerana menyapu *khuf* adalah ganti kepada membasuh kaki dalam berwuduk dan bukan ganti kepada mandi wajib (Hasan al-Kaf, 2003:139).

Selain itu, petugas mangsa banjir juga boleh menunaikan solat dalam keadaan memakai kasut but selagi kasut tersebut suci daripada najis.

c. *Awlawiyyat Solat di Lokasi Bencana yang Suci*

Ketika melaksanakan operasi menyelamatkan mangsa banjir, sudah pasti sukar untuk mencari lokasi yang strategik untuk solat seperti surau atau masjid, maka harus bagi para petugas untuk solat di mana-mana sahaja asalkan suci daripada najis dan bukan merupakan jalan yang dilalui orang ramai. Hal ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abu Sa'id al-Khudri R.A, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

فَإِذَا أَبَيْتُمْ إِلَّا الْمَجَالِسَ فَأَعْطُوا الطَّرِيقَ حَقَّهَا. قَالُوا: وَمَا حَقُّ الطَّرِيقِ. قَالَ: غَضُّ الْبَصَرِ وَكَفُّ الْأَدَى وَرَدُّ السَّلَامِ وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيٌ عَنِ الْمُنْكَرِ .

Maksudnya: Jika kamu tidak dapat berganjak (daripada jalan ini), maka berikanlah hak-hak jalan tersebut. Mereka bertanya: Apakah hak-hak jalan tersebut wahai Rasulullah? Rasulullah menjawab: Menundukkan pandangan, tidak mengganggu (atau menyakiti) orang, menjawab salam, dan memerintahkan kepada yang makruf serta mencegah dari kemungkaran (Bukhari, no. Hadis: 2465)

Asasnya, lokasi solat tidak menjadi isu besar dalam operasi banjir, namun ada sebilangan petugas memberi alasan untuk tidak menunaikan solat kerana tidak memiliki kemudahan tempat untuk solat.

d. *Awlawiyyat Solat dalam Keadaan Duduk Bagi yang Tercedera*

Bagi petugas yang tercedera sehingga mengakibatkan tidak boleh solat dalam keadaan berdiri, harus bagi mereka menunaikan solat dalam keadaan duduk, sama ada duduk di atas lantai atau duduk di atas kerusi. Hal ini sesuai dengan sabda Nabi SAW dalam hadis riwayat Imran Ibn Husain:

صَلِّ قَائِمًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ

Maksudnya: Solatlah kamu dalam keadaan berdiri, jika tidak mampu hendaklah dalam keadaan duduk, dan jika tidak mampu juga hendaklah dalam keadaan mengiring (berbaring) (Bukhari, no. Hadis: 1066).

e. *Awlawiyyat Solat Jamak dan Qasar bagi Petugas yang Bermusafir*

Bagi petugas mangsa banjir yang bertugas di luar kawasan dan melebihi perjalanan yang mengharuskan jamak dan qasar, harus bagi mereka menunaikan solat secara jamak dan qasar. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa memendekkan sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu (Surah al-Nisa' (4):101]

Terdapat tiga perkara yang mengharuskan jamak dan *qasar* di sisi ulama mazhab al-Syafi'i iaitu solat ketika musafir, ketika hujan dan ketika sakit. Namun begitu, jamak ketika sakit menjadi perselisihan dalam kalangan mereka. Menurut Zulkifli Muda (Temu bual, 2019), jamak bagi petugas mangsa banjir boleh dikiaskan dengan solat jamak bagi orang yang sakit kerana memiliki '*illah* yang sama iaitu kesempitan untuk melakukan solat secara biasa. Menurut Mustafa Bugha (1992), terdapat beberapa syarat yang utama untuk diperhatikan dalam masalah ini iaitu:

- i. Petugas mangsa banjir hendaklah berada dalam keadaan musafir sepanjang melaksanakan rukhsah tersebut. Tidak terputus keadaan *safar* yang mengharuskan jamak dan *qasar*.
- ii. Melakukan perjalanan melebihi dua marhalah.
- iii. Tidak menjadi makmum kepada imam yang bermukim.
- iv. Tidak berniat untuk bermukim iaitu berada di sesuatu kawasan melebihi 4 hari.

Bagi petugas mangsa banjir yang bermusafir dan tidak mengetahui tempoh selesai operasi ketika menghadapi bencana yang besar, harus kepada mereka untuk melakukan solat jamak *qasar* selama 18 hari menurut pandangan yang muktamad dalam mazhab al-Syafi'i (al-Nawawi, 2005). Namun begitu, petugas mangsa banjir yang mahu mengambil rukhsah jamak *qasar* selama 18 hari hendaklah memastikan dengan yakin benar-benar tidak mengetahui tempoh tersebut.

f. Awlawiyyat Solat Jamak kerana Hajat

Petugas mangsa banjir juga boleh melaksanakan jamak kerana menghadapi hajat untuk memudahkan urusan menyelamatkan mangsa banjir. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh "*hajat boleh mengambil tempat dan kedudukan darurat*" (al-Suyuti, 1990).

Keharusan ini merujuk kepada hajat yang wujud dalam situasi petugas mangsa banjir memenuhi syarat untuk mengambil tempat *darurah* kerana tugas mereka memelihara *kulliyat al-khams* yang termasuk dalam perkara *daruriyyat* yang perlu diutamakan. Walau bagaimanapun, petugas mangsa banjir tidak boleh melakukan amalan rukhsah ini sebagai kebiasaan dalam kehidupan mereka (al-Nawawiy, 1392H).

g. Awlawiyyat Solat Khawf dan Shiddat al-Khawf Dalam Keadaan Sangat Kritikal

Dalam situasi yang betul-betul kritikal seperti tsunami atau banjir besar berserta ribut taufan, ia belum berlaku di negara kita bagi melaksanakan rukhsah ini, namun penjelasan dan panduan tentangnya perlu dikemukakan (Zaimi Samad, 2020). Namun jika ia benar-benar berlaku sehingga petugas langsung tidak ada peluang untuk meninggalkan mangsa banjir, ketika itu boleh melaksanakan solat *shiddat al-khawf* dalam keadaan dapat dipastikan ancaman datang daripada arah mana supaya dapat ditentukan bentuk solat yang ingin dikerjakan daripada keempat-empat bentuk solat *khawf* dan *shiddat al-khawf* (Sa'id al-Hadrami, 2015) yang dinyatakan dalam bab sebelum ini. Ancaman yang menimpa pula hendaklah ancaman yang diiktiraf oleh syarak dan jelas ancaman tersebut berlaku dan boleh membahayakan nyawa, harta dan lain-lain.

h. Awlawiyyat Menunaikan Solat Hormat Waktu Jika Tidak Dapat Bersuci

Seterusnya, petugas mangsa banjir juga boleh melaksanakan solat menghormati waktu. Menurut Irwan Subri (Temu bual, 2019), konsep solat menghormati waktu terbit daripada konsep solat dalam keadaan *Shiddat al-Khawf* di mana seseorang yang solat boleh mengabaikan beberapa rukun solat kerana kesempitan yang dialami.

Namun begitu, berdasarkan JAKIM (2020), solat hormat waktu adalah solat yang berbeza dengan solat *shiddat al-khawf* iaitu solat yang didirikan tanpa kemudahan seperti tiada air dan debu yang suci atau tempat yang terhad di dalam pesawat. Solat hormat waktu tidak memiliki ancaman seperti solat *shiddat al-khawf* dan solat *shiddat al-khawf* tidak wajib diulang semula solat tersebut (al- Dimyati, 2008). Sedangkan solat hormat waktu wajib diulang semula setelah sampai ke destinasi kerana pelaksanaan solat tersebut dalam keadaan tidak sempurna rukun-rukunnya serta keuzuran yang wujud hanyalah bersifat sementara dan jarang-jarang berlaku (al-Nawawiy, 1431H).

2. CADANGAN PARAMETER PELAKSANAAN RUKHSAH SOLAT BAGI ANGGOTA BOMBA DAN TRAFIK UDARA KRITIKAL

Terdapat beberapa keadaan yang melibatkan anggota Bomba dan Trafik Udara dalam menunaikan solat. Antara keadaan tersebut ialah:

a. *Awlawiyat* Solat Dalam Keadaan Duduk Bagi yang Tidak Mampu Berdiri

Ulama berijmak orang yang uzur tidak dapat berdiri ketika menunaikan solat fardu, hendaklah melakukannya dalam keadaan duduk, berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Imran bin Husain R.A di atas. Berdasarkan hadis di atas anggota bomba atau trafik udara kritikal yang tidak dapat menunaikan solat secara berdiri, hendaklah menunaikannya dalam keadaan duduk. Solat hendaklah dilakukan dalam keadaan duduk sama ada duduk secara bersila atau duduk seperti duduk ketika *tashahhud awal (iftirasy)*. Ia dilakukan dengan cara berniat, bertakbiratul ihram, membaca al-Fatihah, membongkok sedikit ke hadapan ketika rukuk dan ketika sujud hendaklah merendahkan lagi keadaan bongkok berbanding dengan rukuk dan seterusnya sehingga salam.

b. *Awlawiyat* Solat Dalam Keadaan Berdiri Bagi yang Mampu Berdiri Tetapi Tidak Mampu Rukuk dan Sujud

Dalam perbahasan sebelum ini telah dijelaskan para ulama berbeza pendapat mengenai orang yang uzur mampu berdiri tetapi tidak mampu rukuk dan sujud kepada dua pendapat. Pendapat pertama, hendaklah menunaikan solat dalam keadaan berdiri dan menggunakan isyarat untuk rukuk dan sujud. Pendapat ini adalah pendapat Malik, al-Syafi'i dan Ahmad. Golongan ini berdalilkan firman Allah SWT yang bermaksud:

"...dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk...." (Surah al-Baqarah, (2): 238)

Ayat di atas jelas menunjukkan perintah Allah SWT supaya berdiri dalam solat dengan penuh taat dan khusyuk. Mereka juga berdalilkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada 'Imran bin Husain RA sebelum ini. Anggota Bomba dan trafik udara kritikal yang mampu berdiri tetapi tidak mampu rukuk dan juga sujud menunaikan solat dalam keadaan berdiri. Ini kerana berdiri merupakan rukun bagi yang mampu berdiri dan hendaklah melakukannya apabila mampu dan hanya memberi isyarat untuk rukuk dan sujud. Kewajipan berdiri bagi

yang mampu tidak gugur sebagaimana gugurnya kewajipan rukuk dan sujud bagi yang tidak mampu. Solat tidak akan sempurna sekiranya tidak dilakukan secara berdiri bagi orang mampu. Bermakna bagi orang uzur boleh menunaikan solat dalam keadaan duduk atau berdiri mengikut tahap ketidakmampuan. Ketika rukuk dan ketika sujud hendaklah merendahkan lagi keadaan bongkok berbanding dengan rukuk dan seterusnya sehingga salam.

c. *Awlawiyat Solat Secara Mengiring Bagi Yang Tidak Mampu Duduk*

Anggota Bomba dan Trafik Udara Kritikal yang tidak mampu duduk, dibenarkan untuk menunaikan solat dalam keadaan mengiring. Pendapat ini adalah pendapat Malik, al-Syafi'i, Ibn Munzir dan Ibn Qudamah. Golongan ini berdalilkan hadis yang diriwayatkan daripada 'Imran bin Husain RA sebelum ini.

Hadis tersebut menjelaskan, solat hendaklah dilakukan dalam keadaan mengiring bagi yang tidak mampu duduk. Ia juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada 'Imran bin Husain RA pernah bertanya Nabi SAW tentang duduk dalam solat, Nabi SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى قَائِمًا فَهُوَ أَفْضَلُ وَمَنْ صَلَّى قَاعِدًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ وَمَنْ صَلَّى نَائِمًا فَلَهُ نِصْفُ أَجْرِ الْقَائِمِ

Maksudnya: Barang siapa solat berdiri adalah yang terbaik, barang siapa solat secara duduk akan memperoleh separuh pahala solat berdiri. Barang siapa solat secara tidur (mengiring) akan memperoleh separuh pahala solat secara duduk (Ibn Majah, no. Hadis: 1023).

Cara di atas lebih menepati konsep rukhsah yang dibenarkan syarak. Ini kerana, sekiranya solat dilakukan dalam keadaan menyandarkan tubuh (ke dinding atau seumpamanya) akan menyulitkan orang yang uzur dan terpaksa mencari sesuatu untuk dijadikan sandaran atau meminta pertolongan orang lain untuk mendapatkannya sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Solat hendaklah dilakukan dengan mengiring di lambung kanan serta muka mengadap ke arah kiblat dengan kepala diletakkan di atas bantal, bertakbiratulhram, membaca al-Fatihah, ketika rukuk atau sujud dan hendaklah dibongkokkan sedikit kepala ke hadapan, hendaklah merendahkan lagi keadaan bongkok berbanding dengan rukuk ketika sujud dan seterusnya sehingga salam.

d. *Awlawiyat Solat Jamak Jika Perjalanan Melebihi Dua Marhalah*

Anggota bomba yang menempuh perjalanan melebihi dua marhalah iaitu melebihi 81 kilometer lebih utama menunaikan solat jamak dan qasar. Solat jamak boleh dilakukan dalam bentuk mengerjakan jamak *taqdim* ataupun jamak *ta'khir*. Melakukan solat jamak pula ia bukan hanya khusus bagi mereka yang bermusafir sahaja, bahkan terdapat keadaan-keadaan lain yang membolehkan orang Islam menjamakkan solat mereka. Keadaan-keadaan tersebut ada disebutkan dalam hadis-hadis sahih dan juga ijtihad para ulama *mujtahidin* dalam memahami hadis-hadis yang berkaitan persoalan jamak solat. Hal demikian terdapat dalam mazhab Syafi'i tetapi tidak ditekankan dalam masyarakat sehingga ianya kelihatan ganjil oleh sesetengah orang.

i. *Awlawiyat Solat Jamak Kerana Hajat*

Terdapat beberapa keadaan atau *mashaqqah* yang membenarkan umat Islam untuk menjamakkan solat, antaranya ialah:

- i. Jamak kerana hujan
- ii. Jamak kerana sakit
- iii. Jamak kerana hajat dan kepayahan yang timbul

Anggota bomba dan trafik yang benar-benar kritikal boleh melakukan tiga perkara di atas. Hal ini menunjukkan betapa indahnya Islam yang menjadi cara hidup dan alangkah malangnya mereka yang jahil atau taksub dengan kejahilan sehinggakan tidak tahu kelonggaran yang Allah berikan dan menyangkakan solat adalah bebanan kepada umat Islam. Mazhab al-Syafi'i merupakan mazhab yang paling kuat dengan pendapat yang membenarkan jamak solat kerana hujan. Walau bagaimanapun, terdapat cara dan syarat yang digariskan oleh mereka antaranya ialah rukhsah menjamakkan solat kerana hujan hanya boleh dilakukan oleh jemaah di masjid dan waktu solat yang dibenarkan ialah Zohor dengan Asar atau Maghrib dengan Isyak atau dengan kata lainnya hanya dibolehkan jamak *taqdim* dalam kes rukhsah solat kerana hujan (Khatib al-Sharbini, t.t.).

Menurut al-Nawawi (1994,1:503), syarat yang seterusnya ialah hujan tersebut tidak berhenti sehingga selesai solat Zohor atau Maghrib, bahkan hujan itu sendiri hendaklah hujan yang menyebabkan baju basah atau lebat dan bukan hujan renyai-renyai. Ada juga dalam kalangan ulama Mazhab al-Syafi'i yang meletakkan syarat tambahan, iaitu jamak kerana hujan hanya boleh dilakukan oleh mereka yang tinggal jauh dari masjid sahaja, manakala orang yang tinggal dekat dengan masjid tidak dibenarkan melakukan jamak. Pendapat ini walau bagaimanapun dibantah oleh Imam Nawawi daripada mazhab Syafi'i sendiri kerana menurutnya, pendapat tersebut tiada asas yang kukuh dan tiada sandaran dalil yang kuat menurut al-Hisni (1994).

Antara ulama lain yang sependapat dengan al-Syafi'i dan pengikutnya ialah Ahmad bin Hanbal yang berpendapat lebih luas dengan mengharuskan jamak pada musim salji, angin ribut, jalan berbecak dan juga kesejukan yang luar daripada kebiasaan. Malik juga sependapat dengan Syafi'i yang mengharuskan jamak kerana hujan sahaja dan tidak boleh diqiyaskan kepada yang lain. Abu Hanifah pula seperti yang telah diperkatakan sebelum ini tidak melihat keharusan melakukan jamak solat kecuali di Arafah dan Muzdalifah pada musim haji sahaja. Sebahagian daripada ulama mutakhir Mazhab al-Syafi'i seperti al-Nawawi dan lain-lain dan juga ulama mutakhir mazhab Maliki bersetuju dengan pendapat Ahmad dengan meluaskan sebab yang mengharuskan jamak solat (Ibn Rusyd, 1994).

Seterusnya ialah jamak solat kerana sakit adalah harus, atas alasan sakit yang berat itu adalah lebih payah bagi seorang Islam untuk menunaikan solat berbanding dengan hujan menurut pendapat Ahmad. Maka dalam bab ini, menurut al-Buhuti (2008), Ahmad mengharuskan bagi seseorang yang sakit tenat untuk menjamakkan solat mereka supaya mereka tidak dibebani dengan menanti-nantikan waktu solat agar mereka dapat berehat menunggu kesembuhan penyakit dengan tenang. Pendapatnya ini telah disokong oleh sesetengah ulama mazhab al-Syafi'i seperti al-Muzani, al-Nawawi, Qadi Husin, al-Mutawalli, al-Rawayani, al-Khattabi dan lain-lain (al-Nawawi, 1994).

Situasi yang seterusnya ialah menjamakkan solat kerana hajat dan kepayahan yang timbul, dalam kehidupan seorang Muslim kadang-kadang berhadapan dengan keadaan yang memaksa untuk tidak menunaikan solat pada waktunya. Contohnya, seorang doktor yang

terpaksa melakukan pembedahan selama berjam-jam jika beliau meninggalkan tugasnya walaupun sebentar akan memudaratkan pesakit. Begitu juga dengan seseorang yang terperangkap dalam kesesakan jalan raya, yang menyebabkan dia terpaksa berada di dalam keretanya berjam-jam lamanya dan tidak berupaya untuk melarikan diri daripada kesesakan tersebut. Seterusnya, seseorang pelajar di luar negara yang menghadapi peperiksaan, menghadiri kelas yang terpaksa mengambil waktu solat Maghrib yang singkat, waktu Zohor dan seumpamanya, seorang Anggota Bomba dan Trafik Udara kritikal yang menjalankan tugas-tugas di lapangan kadang-kadang memaksa mereka untuk berada di kawasan bertugas seharian suntuk, seseorang yang berada di dalam penjara, lokap ataupun tahanan yang membuatnya tidak dapat mengagak waktu-waktu solat secara terperinci, anggota-Anggota keselamatan yang terpaksa berkawal, menjaga dan mengawasi sesuatu tempat, keadaan, jalan dan apa-apa sahaja yang tidak membenarkan mereka meninggalkan kawasan tersebut kerana kritikalnya suasana pada ketika itu.

j. Awlawiyyat Solat Hormat Waktu Jika Tidak Dapat Bersuci

Anggota bomba dan trafik udara yang benar-benar tidak dapat bersuci boleh melaksanakan solat menghormati waktu. Dalam mazhab al-Syafi'i, solat hormat waktu wajib diulang semula setelah sampai ke destinasi kerana pelaksanaan solat tersebut dalam keadaan tidak sempurna rukun-rukunnya serta keuzuran yang wujud hanyalah bersifat sementara dan jarang-jarang berlaku (al-Nawawi, 1431H).

3. CADANGAN PARAMETER PELAKSANAAN RUKHSAH SOLAT BAGI PETUGAS PERUBATAN KRITIKAL

Parameter pelaksanaan rukhsah solat bagi petugas perubatan kritikal menurut *fiqh al-awlawiyat* adalah sebagaimana berikut:

a. Awlawiyat Solat Mengikut Tugas Rutin Normal

Bagi seorang *mukallaf*, apa saja rutin harian dan pekerjaan yang dilalui, solat mestilah menjadi keutamaan (Hamidah Mat, 2020). Seseorang petugas perubatan perlu beriltizam untuk solat awal waktu. Mereka perlu sentiasa berada dalam keadaan berwuduk dan pakaian terbaik yang memudahkannya menunaikan solat. Harlina Harlizah Siraj (temu bual, 2020) memberi nasihat buat petugas perubatan agar sentiasa menyediakan diri untuk sentiasa dalam

keadaan bersedia untuk menunaikan solat. Dengan kata lain, Muslimah terutamanya perlu memakai pakaian bersesuaian yang boleh terus dipakai untuk solat. Semua petugas sebaik-baiknya sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.

Allah SWT berjanji sekiranya kita menjaga dan mengingati Allah di waktu lapang dan senang, pastinya Allah akan mengingati dan memudahkan urusan kita di waktu sempit. Sabda Nabi SAW dalam hadis riwayat Abdullah bin ‘Abbas RA:

احْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ إِلَى اللَّهِ يَرْحِمَكَ يَنْفِثْ فِيْ الشَّدَائِدِ

Maksudnya: *Jagalah Allah, kamu akan dapatinya (memandumu) dihadapannya. Kenalilah (ingatlah) Allah di waktu senang pasti Allah akan mengingatimu di waktu kesempitan* (al-Tirmidhi, no. Hadis: 2516).

b. *Awlawiyat* Solat Mengikut Tempat dan Skop Tugas Kritikal

Dalam konteks petugas yang diperlukan bekerja pada tempat dengan skop tugas kritikal, Mufti Wilayah Persekutuan pernah mencadangkan garis panduan berkaitan solat jamak untuk diamalkan mereka. Pengkaji mendapati syor beliau adalah seimbang dan mengambil kira *awlawiyat* di antara pengambilan rukhsah dan menunaikan tugas perawatan. Antara saranan beliau ialah:

- i. Hendaklah waktu syif tersebut meliputi sekurang-kurangnya dua waktu solat yang jika tidak ada keharusan jamak akan menyebabkan terlepas salah satu waktu.
- ii. Hendaklah tiada pilihan waktu syif lain.
- iii. Hendaklah melakukan jamak *taqdim* jika waktu syif berpanjangan sehingga terkeluar kepada waktu solat kedua.
- iv. Hendaklah melakukan jamak *ta'khir* jika waktu syif bermula sebelum waktu solat pertama dan berakhir dalam waktu solat kedua.
- v. Hanya dibenarkan melakukan jamak *tamam* iaitu melakukannya secara sempurna tanpa perlu qasar. Ini kerana *qasar* iaitu memendekkan solat empat rakaat kepada dua rakaat hanya dilakukan ketika musafir (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

c. *Awlawiyat* Solat Mengikut Waktu dan Jadual Tugas Petugas Perubatan

Pertimbangan *awlawiyat* pada waktu dan jadual tugas ini adalah khusus melibatkan petugas perubatan beragama Islam pada hari Jumaat yang wajib hadir solat Jumaat. Keutamaan adalah untuk kedua-dua peringkat pentadbir dan individu petugas mengatur urusan mereka agar mampu solat Jumaat.

KESIMPULAN

Rukhsah pada dasarnya adalah hukum syarak yang diturunkan oleh Allah sebagai rahmat pada hambaNya. Ia bertujuan mengelakkan ibadah-ibadah tertentu dalam Islam terabai dan ditinggalkan begitu sahaja. Seseorang Islam yang *mukallaf* dituntut menjalankan hukum-hukum yang disyariatkan dan ia berbeza dari sudut pelaksanaan mengikut keadaan dan situasi yang mereka hadapi. Rukhsah adalah bergantung kepada kesulitan yang dihadapi oleh yang terlibat. Menurut al-Syathibi, penetapan rukhsah merupakan ibadah secara mutlak tanpa mengabaikan kemaslahatan. Bentuk-bentuk keadaan kritikal merangkumi yang memerlukan pengambilan rukhsah melibatkan sakit yang membuatkan solat tidak dapat dilaksanakan secara normal, musafir yang bertujuan kebaikan, hujan lebat yang berterusan, menyelamatkan mangsa banjir, penerbangan dan memadamkan kebakaran kritikal.

Bentuk-bentuk parameter rukhsah solat dalam situasi kritikal ialah melaksanakan solat jamak dan *qasar* bagi yang bermusafir, melaksanakan solat jamak sahaja bagi yang sakit, mengalami *istihadah* yang teruk, menghadapi kesukaran dan kesuntukan masa kerana menyelamatkan mangsa banjir dan merawat pesakit tenat yang memakan masa yang panjang, menunaikan solat secara jamak *suri* bagi yang mengalami penyakit, menunaikan secara duduk atau berbaring bagi yang tidak dapat berdiri kerana penyakit atau keadaan yang tidak mengizinkan seseorang berbuat demikian, menunaikan solat *syiddah khauf* apabila berdepan dengan situasi ketakutan terhadap musuh, binatang buas dan seumpamanya dan menunaikan solat hormat waktu.

Bagi petugas penyelamat mangsa banjir *awlawiyat* yang dicadangkan merangkumi *awlawiyat* menunaikan solat dalam keadaan beruniform lengkap, solat dalam keadaan memakai *khuf* yang suci dan menyapu permukaan *khuf*, solat di lokasi bencana yang suci, solat dalam keadaan duduk bagi yang tercedera, solat jamak dan *qasar* bagi petugas yang

bermusafir, solat jamak kerana hajat asalkan tidak dijadikan kebiasaan, solat *khawf* dan *shiddat al-Khawf* dalam keadaan sangat kritikal dan menunaikan solat hormat waktu jika tidak dapat bersuci.

Bagi petugas bomba dan petugas trafik udara pula, *awlawiyat* yang dicadangkan merangkumi solat dalam keadaan duduk bagi yang tidak mampu berdiri, solat dalam keadaan berdiri bagi yang mampu berdiri tetapi tidak mampu rukuk dan sujud, solat secara mengiring bagi yang tidak mampu duduk, solat jamak jika perjalanan melebihi dua marhalah, solat jamak kerana hajat asalkan tidak dijadikan kebiasaan dan solat menghormati waktu apabila benar-benar tidak dapat bersuci. Bagi petugas perubatan *awlawiyat* yang dicadangkan merangkumi solat mengikut tugas rutin normal, solat mengikut tempat dan skop tugas kritikal dan solat mengikut waktu dan jadual tugas petugas perubatan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis kerana memberikan sokongan kewangan atas kajian ini di bawah Kerusi Profesor Jamalullail, Universiti Islam Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Luwis. M. (1997). *Al-Munjid fi al-Lughat wa al-A'lum*. Beirut Libanon: Tab'ah Jadidah Munaqqahat.
- Amir. S. (2008). *Ushul Fikih*. Jilid ke-1. Jakarta: Kencana.
- Athiyah. M.(1996). *Al Qadam Fi al-Islam*. (T.P): Syarikat al-Syurq al-Ansat.
- Al-Bukhari.A.A.M.I.(t.th). *Shahih al-Bukhari*. Jil. 2. Indonesia: Maktabah Dahlan.
- al-Quran dan Terjemahnya.(1989). Departemen Agama Republik Indonesia Jakarta: PT Lubuk Agung.
- Ensiklopedia Islam.(1992). Departemen Agama Republik Indonesia Jakarta.jil.3.: Dirjen Bimbaga Islam Proyeek Peningkatan Sarana dan Prasarana Perguruan Tinggi Agama IAIN, 1992/1993.
- Ensiklopedi Islam. (1992). Jil.4. Jakarta: Dirjen Bimbaga Islam. Proyek Peningkatan Sarana dan Prasarana Perguruan Tinggi Agama / IAIN, 1992/1993.

- Al-Hisni. S. (1994). *Kifayat al-Akhyar*. Tahqiq: A Hamid Ba Haji. Beirut: Dar al-Khayr.
- Ibn Rushd. M. A. (1994). *Bidayat al-Mujtahid*. Tahqiq: Abdullah Labadi. Jil.1. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Ibn Mulaqqin, S. U. (1997). *Al-I'lam Bi Fawa'id 'Umdah al-Ahkam*. Saudi: Dar al-'Asimah.
- Khallaf. A.W. K.(1990). *Ilmu Ushul Fikih*. (Trj. Halimuddin SH). Jakarta: PT. Rineka Cipta.
- Khatib. S. (t.t.). *Mughni al-Muhtaj*. Jilid ke 1. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi, (t.t).
- Mukhlis. U. (1996). *Kaedah-kaedah Ushuliyah Fiqhiyah Pedoman Dasar Istimbath Hukum Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Al-Nawawi. A. Z. Y. (1994). *Raudah al-Talibin*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syaibani. A. H. (1994). *al-Musnad*, Jil.6. Beirut Lebanon: Jadidah Musahhahah.
- Al-Sadlan. S. (1417H). *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kubra Wa Ma Tafarra'a Anha*. Al-Riyad: Dar al-Balansiyyah.
- Syarifuddin.A.(1997). *Ushul Fiqh*. Jil.1. (t.p): Ciputat, PT. Logos Wacana Ilmu.
- Al-Syatibi. A. I. (t.t). *Al-Muwafaqat*. Jil.1. (t.p): Dar al-Ma'arif.
- Al-Zuhaili, M. (2007). *Al-Mu'tamad Fi al-Fiqh al-Syafi'i*. Dimasyq: Dar al-Qalam.